

# ORANG KOMUNIS ITU KAFIR

## Jenazahnya haram diselenggarakan secara Islam

*Bismillāhirrahmānirrahīm*

Muktamar Islam seluruh Indonesia yang berlangsung dari 8 hingga 11 September 1957

di Palembang, setelah mendengar dan membahas secara mendalam akan ideologi (ajaran) Komunis,

mengambil kesimpulan seperti berikut:

- I.
  1. Faham Komunis dalam lapangan falsafah, berisi Atheist, anti-tuhan dan anti-agama.
  2. Faham dan ajaran Komunis dalam lapangan politik, adalah anti-demokrasi.
  3. Faham Komunis dalam lapangan sosial, menganjurkan pertentangan kelas.
  4. Faham dan ajaran Komunis dalam lapangan ekonomi, menghilangkan hak perseorangan.
- II. Faham dan ajaran Komunis yang demikian itu bukan sahaja berlawanan dengan ajaran Islam khasnya dan agama-agama lain amnya, akan tetapi merupakan tentangan dan serangan terhadap hidup keamanan umumnya.

## Memutuskan

- III.
  1. Faham dan ajaran Komunis adalah **kufur hukumnya** dan haram bagi umat Islam menganutnya.
  2. Bagi orang yang menganut faham dan ajaran Komunis dengan keyakinan dan kesedaran, **kafir lah dia** dan tiada sah nikah dan menikahkan orang Islam, tiada pusaka mewarisi, dan haram jenazahnya diselenggarakan secara Islam.
  3. Bagi orang yang memasuki pertubuhan atau parti yang berfahaman Komunis (P.K.I., SUBSI dan lain-lain) tidak dengan keyakinan dan kesedaran, setelah dia dan wajib bagi umat Islam menyeru mereka meninggalkan pertubuhan dan parti tersebut.
- IV. Walaupun Republik Indonesia belum menjadi negara Islam, namun haram hukumnya bagi umat Islam mengangkat (memilih) Kepala Negara (Pemerintah) yang berfahaman Komunis.